

Khamis, Apr 12 2018

ECRL: Kelantan beri kerjasama

KOTA BHARU 11 April - Kerajaan Pas Kelantan memberikan kerjasama yang terbaik dalam pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) biarpun berbeza ideologi politik dengan Kerajaan Pusat.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan merangkap Pengerusi Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL), Tan Sri Irwan Serigar Abdullah bagaimanapun berkata, pihaknya perlu menunggu sehingga selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) untuk mendapatkan maklum balas daripada kerajaan PKR Selangor.

Beliau berkata, kerajaan PKR Selangor menunjukkan minat untuk melaksanakan projek itu tetapi meminta supaya proses lanjut

dilaksanakan selepas PRU-14.

"Hanya di Selangor kita belum memulakan kerja-kerja awal untuk pembinaan ECRL manakala di negeri-negeri lain pembinaan 'base camp' telah bermula malah kerja-kerja awal telah mendahului jadual sebanyak satu peratus.

"Kita mendapat kerjasama yang terbaik daripada kerajaan Pas Kelantan untuk melaksanakan projek ini yang akan membantu mewujudkan lima buah bandar baharu di negeri ini," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian pecah tanah projek ECRL peringkat negeri di Bandar Baru Tunjong di sini hari ini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Tun Razak serta turut dihadiri Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Sementara itu, Irwan berkata, kerja-kerja awal pembinaan ECRL telah memberikan projek sebanyak RM1.48 bilion kepada 237 perunding, sub kontraktor dan pembekal tempatan.

"Kerajaan telah menetapkan bahawa 30 peratus daripada keseluruhan projek yang dilaksanakan oleh China Communication Construction Company Ltd. (CCCC) itu mesti diberikan kepada syarikat tempatan.

"Selain itu, sebanyak 70 peratus pekerja untuk projek ECRL yang dijangka siap pada 2024 itu perlu terdiri daripada rakyat tempatan," katanya.



**IRWAN SERIGAR
ABDULLAH**